

**PENGLIBATAN PELAJAR DALAM BIDANG KOKURIKULUM
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK:
SATU TINJAUAN KE ATAS PELAJAR DIPLOMA DAN
SARJANA MUDA KUITTHO**

AZIZAH BINTI ABDUL RAZAK

Laporan projek ini dikemukakan

Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

Bingkisan Ilmu Ini Dititipkan Untuk:

Ayahanda dan Bonda Tersayang

Segala Jasa Dan Bakti
Tidak Mungkin Terbalas
Walau Dengan Segunung Intan

Kak Long dan Suami, Bangah dan Isteri Serta Adik

Yang Banyak Menabur Budi

Anak Saudara Tercinta,
Nana, Idah dan Hannah,
Kalian Penyeri Hidupku

Serta Rakan-rakan Seperjuangan

Terima Kasih Di Atas Segalanya...
Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Setara Nilainya
Dengan Kasih Cinta kalian

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah s.a.w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka terhasillah laporan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Md. Yusof bin Jamar di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan yang konsisten daripada beliau mustahil kajian ini dapat dihasilkan sebegini rupa.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada ahli-ahli panel iaitu Dr. Jailani bin Md. Yunos dan Encik Asri bin Selamat yang telah memberikan saranan, cadangan dan nasihat dalam membantu meningkatkan kualiti kajian ini.

Rakaman penghargaan ini ditujukan juga kepada pihak HEP KUiTTHO dan pihak HEP UUM yang telah membantu memberikan input yang dikehendaki. Kepada para responden yang terdiri daripada ahli yang berdaftar di bawah kelab naungan Unit Sukan HEP KUiTTHO, ribuan terima kasih kerana sudi menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Tidak dilupakan kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakan, sokongan, bantuan serta dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diterima dan diberkati oleh Yang Maha Esa. Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk “Pelibatan Pelajar Dalam Bidang Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik: Satu Tinjauan Ke Atas Pelajar Diploma Dan Sarjana Muda KUiTTHO”. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara pelibatan pelajar dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik pelajar serta mengukur persepsi mereka terhadap kegiatan kokurikulum. Sampel kajian ini adalah seramai 145 orang yang terdiri daripada pelajar Diploma dan Sarjana Muda KUiTTHO. Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan dua jenis instrumen iaitu soal selidik dan temubual untuk mengumpul data. Hubungan antara pelibatan pelajar dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik mereka dianalisis dengan menggunakan korelasi Pearson. Hasil daripada analisis tersebut mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pelibatan pelajar dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik (indeks korelasi -0.412). Manakala bagi persepsi para pelajar ke atas kegiatan kokurikulum dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan dapatan menunjukkan para pelajar mempunyai persepsi yang positif ke atas kegiatan kokurikulum. Kesemua analisis ini dilakukan dengan menggunakan ‘Statistical Package For Social Science’ (SPSS) versi 10.0 dan Microsoft Excel.

ABSTRACT

This study is to find the correlation between student's involvement in extra curriculum and their academic achievement. Two instruments were used in the form of questionnaires and interview. Questionnaires were distributed to 145 of Diploma and Degree students in KUiTTHO. Pearson correlation was used to correlate between student involvements in extra curriculum and their academic achievement. The finding show that there is a significant correlation between student involvement in extra curriculum and their academic achievement (correlation index = -0.412). On student's perception towards extra curriculum the finding and revealed that students have positive perception. All data was analyzed by using 'Statistical Package for Social Sciences' (SPSS) software version 10.0 and Microsoft Excel.

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
PENGESAHAN PENYELIA	
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
HALAMAN DEDIKASI	iii
HALAMAN PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	Pengenalan
1.1	Pendahuluan 1
1.2	Latar Belakang Masalah 3
1.3	Pernyataan Masalah 5
1.4	Hipotesis Kajian 6
1.5	Persoalan Kajian 7
1.6	Objektif Kajian 7
1.7	Kerangka Teori 8

1.8	Kepentingan Kajian	9
1.9	Skop Kajian	9
1.10	Andaian dan Batasan Kajian	10
1.11	Definisi Istilah dan Operasional	10
	1.11.1 Penglibatan	11
	1.11.2 Kokurikulum	11
	1.11.3 Aktif Dalam Bidang Kokurikulum	12
	1.11.4 Pencapaian Akademik	12
	1.11.5 Pelajar	13
1.12	Penutup	14

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Falsafah Kokurikulum	17
2.3	Matlamat Gerak Kerja Kokurikulum	18
2.4	Peranan Kokurikulum	19
2.5	Penubuhan Unit Kokurikulum KUiTTHO	23
2.6	Penutup	24

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Sumber Data	26
	3.3.1 Data Primer	26
	3.3.2 Data Sekunder	27
3.4	Populasi Kajian	27
3.5	Sampel Kajian	27
3.6	Instrumen Kajian	28
	3.6.1 Soal Selidik	28
	3.6.2 Temubual	30
3.7	Kajian Rintis	31
3.8	Kaedah Analisis Data	32

3.9	Persembahan Data	33
-----	------------------	----

BAB IV ANALISIS DATA KAJIAN

4.1	Pengenalan	34
4.2	Analisis Bahagian A	35
4.2.1	Jantina	35
4.2.2	Peringkat Dan Tahun Pengajian	35
4.2.3	Pencapaian Akademik	36
4.3	Analisis Bahagian B	37
4.3.1	Tahap Keaktifan Pelajar Dalam Bidang Kokurikulum Bebas	38
4.3.2	Tahap Pencapaian Akademik Bagi Pelajar Yang Aktif Dalam Bidang Kokurikulum Bebas	39
4.3.3	Hubungan Antara Penglibatan Para Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Dengan Pencapaian Akademik	41
4.5	Analisis Bahagian C	42
4.6	Analisis Bahagian D	46

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	48
5.2	Perbincangan	49
5.2.1	Tahap Pelajar Di KUITTHO Berminat Melibatkan Diri Secara Aktif Dalam Kegiatan Kokurikulum	49
5.2.2	Prestasi Pencapaian Akademik Para Pelajar Yang Bergiat Secara Aktif Dalam Bidang Kokurikulum	50
5.2.3	Hubungan Antara Keaktifan Pelajar Dalam Bidang Kokurikulum Dengan Pencapaian Akademik	51
5.2.4	Persepsi Pelajar Terhadap Kegiatan	

	Kokurikulum Bebas Yang Dijalankan Di KUiTTHO	52
5.3	Rumusan Keseluruhan	55
5.4	Cadangan	56
5.4.1	Pelajar	56
5.4.2	Pihak HEP	57
5.4.2.1	Akademik Pelajar	57
5.4.2.2	Had Jawatan	58
5.4.2.3	Aktiviti	58
5.4.2.4	Tugas Am Penasihat	59
5.4.2.5	Arahan Dekan, Timbalan Dekan atau Ketua Jabatan	59
5.4.3	Kaedah Semakan Oleh HEP	60
5.5	Cadangan Kajian Selanjutnya	61
	SENARAI RUJUKAN	62
	LAMPIRAN A	66
	LAMPIRAN B	68
	LAMPIRAN C	73
	LAMPIRAN D	75

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert Yang Digunakan Di Dalam Borang Soal Selidik	29
3.2	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	33
4.1	Jumlah Bilangan Responden Mengikut Jantina	35
4.2	Jumlah Bilangan Responden Mengikut Peringkat Dan Tahun Pengajian	36
4.3	Pencapaian Akademik: <i>Cumulative Gred Point Average (CGPA)</i>	37
4.4	Skor Min Bagi Ukuran Tahap Kecenderungan	38
4.5	Jumlah Dan Min Skor Keaktifan Responden Dalam Bidang Kokurikulum Bebas	39
4.6	Tahap Pencapaian Akademik dan Min Skor Keaktifan	40
4.7	Korelasi Antara Pencapaian Akademik Min Skor Keaktifan Pelajar	41
4.8	Dapatan Analisis Min Ke Atas Pandangan Pelajar Dari Aspek Pengurusan Masa.	43
4.9	Dapatan Analisis Min Ke Atas Pandangan Pelajar Dari Aspek Membantu Hidup Bermasyarakat	44
4.10	Dapatan Analisis Ke Atas Pandangan Pelajar Dari Aspek Membantu Meningkatkan Kebolehan Mental	45
4.11	Dapatan Analisis Ke Atas Pandangan Pelajar Dari Aspek Membantu Pembentukan Sahsiah Diri Yang Positif	46

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	8
2.1	Konsep Kokurikulum	16



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) memberi pengertian kurikulum sebagai segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institut pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Laporan ini membahagikan kurikulum sekolah kepada dua bahagian yang besar. Bahagian pertama meliputi sukatan mata pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pelajaran dan pembelajaran. Bahagian yang kedua pula meliputi kegiatan pendidikan luar bilik darjah (kokurikulum) seperti kegiatan-kegiatan sukan, persatuan pakaian seragam dan lain-lain.

Kokurikulum bukanlah satu konsep yang terpisah dari kurikulum pendidikan. Ia sebenarnya merujuk kepada aktiviti amali iaitu lanjutan daripada mata pelajaran dalam bilik darjah. Pengetahuan dari mata pelajaran-mata pelajaran lain diintegrasikan dalam aktiviti praktikal semasa menjalani gerak kerja kokurikulum dalam bentuk gunaan (*applied*) (Mohamed Nor, 1985).

Pada asasnya gerak kerja kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah. Sebagai satu bidang pendidikan setiap pelajar harus melibatkan diri. Gerak kerja ini boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu gerak kerja itu. Dengan andaian bahawa pelajar-pelajar tidak dapat pengalaman tertentu dalam bilik darjah, maka gerak kerja kokurikulum boleh menyediakan pengalaman-pengalaman tersebut bagi perkembangan mental, minat dan bakat, sosial, jasmani serta rohani mereka (Panduan Pengurusan Gerak Kerja Sekolah Menengah, 1985).

Dekad yang lalu memperlihatkan ibu bapa begitu mementingkan kecemerlangan akademik di kalangan anak-anak. Justeru itu, penglibatan anak-anak dalam kegiatan luar dari akademik (kokurikulum) tidak begitu digalakkan. Mereka bimbang sekiranya anak-anak aktif dalam kegiatan kokurikulum, pelajaran akan terabai. Menurut Zainal Abidin (1985), kegagalan melaksanakan rancangan kegiatan kokurikulum disebabkan oleh sikap ibu bapa yang terlalu kurang memberikan kerjasama dan sokongan. Mereka lebih suka menghantar anak-anak mereka menghadiri tuisyen atau kelas bimbingan daripada menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah.

Namun senario itu telah berbeza sekarang. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyedari bahawa penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum adalah amat penting dalam pembinaan sahsiah pelajar yang cemerlang. Matlamat ini adalah selaras dengan aspirasi dan objektif Dasar Pendidikan Negara dalam membentuk dan membina satu keperibadian nasional iaitu:

*Untuk mewujudkan suatu bangsa yang bermoral bercorak Malaysia yang bersatupadu. Hasrat ini akan tercapai jika pelajar diberikan pendidikan yang menyeluruh merangkumi aspek mental, fizikal, sosial dan emosi.
(Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1988)*

Kegiatan kokurikulum merupakan semua aktiviti yang dijalankan di luar waktu pembelajaran akademik dan dilakukan di luar dari bilik darjah. Sebahagian aktiviti kokurikulum yang dijalankan merupakan kesinambungan daripada kurikulum yang telah diajar dalam bilik darjah. Terdapat juga aktiviti kokurikulum yang dijalankan di dalam bilik darjah mengikut kesesuaian aktiviti yang dilakukan. Kegiatan kokurikulum merupakan salah satu kaedah pengajaran amali yang memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kemahiran-kemahiran tertentu dengan lebih terperinci lagi dalam tempoh masa yang lebih panjang (Hoe, 1996).

1.2 Latar Belakang Masalah

Profesor Mohd. Roslani (1988) dalam P. Iskandar (1990) mengatakan bahawa budaya '*menumpu kepada peperiksaan*' di sekolah mengurangkan kematangan berfikir para pelajar. Justeru itu, aktiviti-aktiviti riadah dan bukan akademik diperlukan bagi menjana kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis di kalangan pelajar.

Leonard de Vries melaporkan beberapa permasalahan tentang kokurikulum di sekolah-sekolah Malaysia:

- 1) Seringkali objektif belajar di sekolah adalah untuk menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan agar memperolehi keputusan yang cemerlang dan mempunyai masa depan yang cerah. Oleh itu pelajar dikehendaki menumpukan sepenuh masa mereka terhadap pelajaran. Bagi murid yang mampu mencapai keputusan yang baik, ini adalah satu objektif yang baik. Tetapi hanya berlaku kepada golongan minoriti sahaja dan bagaimana pula dengan segolongan pelajar yang lain yang kurang mampu mencapai keputusan yang memuaskan. Tidakkah mereka ini patut diberi cara pembelajaran yang berlainan

agar mereka dapat sama menikmati kehidupan yang sempurna pada masa hadapan?

- 2) Di kebanyakan sekolah kini, sistem pembelajaran, sistem penilaian, hubungan antara guru dan murid telah dipengaruhi oleh peperiksaan dan cara penilaian peperiksaan itu. Murid-murid hanya duduk dan mendengar segala pelajaran yang diajar oleh guru semasa di kelas tanpa menghiraukan keadaan sekeliling dan guru juga merupakan sumber semua ilmu pengetahuan. Tumpuan penuh hanya diberikan terhadap mata pelajaran yang diajar sahaja.
- 3) Tujuannya hanyalah semata-mata untuk melahirkan pelajar yang mesti lulus dalam peperiksaan dan memiliki segulung sijil, bukannya untuk melahirkan generasi yang terdidik dan berkualiti yang lebih mementingkan sikap dan perasaan seseorang pelajar itu apabila bergaul dengan masyarakat nanti. Adakah ini memadai untuk pelajar masa kini?
- 4) Adakah aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti persatuan-persatuan berpakaian seragam, kelab-kelab sukan, persatuan keagamaan di sekolah ini merupakan satu aktiviti pembaziran masa?

Kegiatan kokurikulum merupakan satu aktiviti penting yang berkesan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai keseimbangan dalam perkembangan rohani, jasmani dan sosial. Di samping itu melalui pembelajaran di luar bilik darjah secara tidak formal dapat memupuk pelajar sifat kesopanan, berdikari, kerajinan bekerja, berdisiplin dan patuh kepada undang-undang supaya menjadi warganegara yang berguna.

Gerak kerja kokurikulum sangat penting dalam proses pendidikan dan pembelajaran pelajar kerana ianya dapat mengimbang dan menyepadukan pembentukan pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Perlaksanaan

gerak kerja kokurikulum dapat melahirkan iklim dan budaya belajar yang lebih ceria, menyeronokkan dan meninggalkan kesan yang positif di kalangan pelajar (Hoe, 1999).

Dalam hasil kajian Noran Fauziah (1985) dalam P. Iskandar (1990), beliau menyebut sebilangan besar pelajar mempunyai tanggapan bahawa gerak kerja kokurikulum mengganggu kerja akademik mereka. Noran Fauziah berpendapat besar kemungkinan para pelajar yang menghadapi kesukaran dalam bidang akademik akan merasakan gerak kerja kokurikulum mengganggu kemajuan dan penumpuan mereka dalam bidang pelajaran. Bagaimanapun, kajian tersebut tidak meliputi hubungan antara sikap terhadap gerak kerja kokurikulum dengan pencapaian akademik para pelajar. Beliau mencadangkan supaya para penyelidik seterusnya menjalankan penyelidikan bagi mencari hubungan antara penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dengan pencapaian akademik.

1.3 Pernyataan Masalah

Objektif Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan para pelajar terlibat dalam kegiatan kokurikulum adalah untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi kecemerlangan akademik dan pembinaan peribadi yang sahsiah di kalangan para pelajar. Para pelajar yang terlibat secara aktif dalam kegiatan kokurikulum sepatutnya mampu membahagikan masa dengan baik dan mempunyai perkembangan sahsiah yang baik. Justeru itu dengan kecemerlangan sendiri yang dimiliki oleh pelajar, sepatutnya pencapaian akademik para pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum juga adalah cemerlang.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, pengkaji ingin mengkaji bagaimanakah hubungan antara penglibatan pelajar secara aktif dalam kegiatan kokurikulum dengan pencapaian akademik serta sikap para pelajar terhadap kegiatan

kokurikulum bebas di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Pengkaji memilih pelajar di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn sebagai populasi kerana terdapat kajian bertajuk ‘Penglibatan Kokurikulum Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar di Institut Teknologi Tun Hussein Onn’ oleh saudara Sahrolnizam, Sharnol dan Wan Muhammad Marzudi (1999) mendapati terdapat hubungan yang lemah antara penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik pelajar. Bidang kokurikulum yang dikaji adalah PALAPES. Pengkaji ingin meneruskan kesinambungan kajian ini dengan memberi penekanan ke atas bidang kokurikulum bebas di bawah naungan Unit Sukan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Terdapat enam kelab di bawah Unit Sukan HEP iaitu Kelab Silat Sunda, Kelab Taekwando, Sekretariat Rakan Muda, Kelab Karate, Kelab Kembara dan Kelab Renang.

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis nol : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keaktifan pelajar dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik mereka.

Hipotesis alternatif : Terdapat hubungan yang signifikan antara keaktifan pelajar dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik mereka.

1.5 Persoalan Kajian

1. Adakah pelajar di KUiTTHO berminat melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum?
2. Bagaimanakah pencapaian akademik pelajar Diploma dan Sarjana Muda di KUiTTHO yang terlibat secara aktif dalam kegiatan kokurikulum?
3. Bagaimanakah hubungan di antara penglibatan para pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan pencapaian akademik?
4. Bagaimanakah persepsi para pelajar di KUiTTHO terhadap kegiatan kokurikulum?


1.6 Objektif Kajian

1. Mengukur minat para pelajar untuk melibatkan diri dalam bidang kokurikulum secara aktif.
2. Mengukur pencapaian akademik para pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam bidang kokurikulum.
3. Menilai hubungan antara penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik mereka.
4. Mengukur persepsi para pelajar Diploma dan Sarjana Muda di KUiTTHO terhadap kegiatan kokurikulum.

1.7 Kerangka Teori

Rajah 1.1 merupakan kerangka teori kajian ini. Dalam kajian ini, elemen penting yang dititikberatkan adalah pendidikan yang seimbang antara bidang akademik dan kokurikulum.

Rajah 1.1 : Kerangka Teori Kajian



(diubahsuai dari Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menyedarkan para pelajar, tenaga pengajar dan ibu bapa tentang betapa pentingnya keseimbangan antara pelajaran akademik dengan kegiatan kokurikulum. Yusof (1985) menyatakan bahawa semua pihak berpendapat kurikulum yang diamalkan dalam sistem pembelajaran di Malaysia terlalu memberi penekanan kepada pelajaran akademik. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap hubungan antara keaktifan pelajar dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik.

Di akhir kajian, pengkaji akan memberikan cadangan kepada pelajar agar dapat menyeimbangkan antara kegiatan kokurikulum dengan akademik. Di samping itu, cadangan kepada pihak HEP juga akan dikemukakan bagi mengawal kegiatan pelajar dalam bidang kokurikulum.

1.9 Skop Kajian

Dalam kajian ini, institusi pengajian yang dipilih adalah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Kajian yang dilakukan hanya tertumpu kepada aktiviti kokurikulum di bawah tanggungjawab Unit Sukan HEP KUiTTHO iaitu merupakan aktiviti kokurikulum bebas. Kelab-kelab tersebut ialah Kelab Silat Sunda, Kelab Taekwando, Kelab Karate, Sekretariat Rakan Muda, Kelab Kembara dan Kelab Renang. Kumpulan sasaran bagi kajian ini adalah terdiri daripada para pelajar Diploma dan Sarjana Muda yang menjadi ahli kepada kelab yang dinyatakan di atas. Pemilihan kawasan kajian dan kumpulan sasaran tidak akan mempengaruhi keputusan kajian dan ianya masih boleh digunakan untuk menerangkan bahawa keadaan dan situasi yang sama akan dihadapi oleh semua pelajar-pelajar di KUiTTHO.

1.10 Andaian dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji mengandaikan bahawa:-

- i) Responden kajian dihadkan kepada para pelajar di KUiTTHO yang bergiat secara aktif dalam bidang kokurikulum bebas yang berbentuk sukan dan rekreasi.
- ii) Pengkaji mengandaikan bahawa responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan dan temu bual dengan jujur. Maklumat dan keputusan yang telah diperolehi daripada penganalisan data yang dilakukan akan mewakili atau menggambarkan keseluruhan populasi kajian iaitu pelajar-pelajar di KUiTTHO.
- iii) Pengkaji juga mengandaikan bahawa responden tidak menghadapi masalah memahami masalah yang digunakan dalam borang soal selidik.

1.11 Definisi Istilah Dan Operasional

Kajian yang dijalankan berjudul “Penglibatan Pelajar Dalam Bidang Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik: Satu Tinjauan Ke Atas Pelajar Diploma Dan Sarjana Muda KUiTTHO”. Berikut adalah definisi istilah dan definisi operasional dalam kajian ini iaitu:

1.11.1 Penglibatan

Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1998), penglibatan bermaksud menceburi diri atau pembabitan seseorang dalam sesuatu tugas. Manakala dalam definisi operasional, 'penglibatan' yang dimaksudkan ialah pembabitan atau penglibatan para pelajar Diploma dan Sarjana Muda di KUiTTHO dalam bidang kokurikulum bebas.

1.11.2 Kokurikulum

Menurut Mohammad Noor (1998), kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum seharusnya dapat membantu meningkatkan kesan positif dalam pelajaran, pembentukan akhlak mulia dan dapat menyediakan kemahiran-kemahiran asas ke arah kecermelangan diri. Kementerian Pendidikan (1988), menyatakan gerak kerja kokurikulum adalah gerak kerja yang bercorak pendidikan dan menyediakan pengalaman-pengalaman pembelajaran. Manakala dalam definisi operasional, 'kokurikulum' yang dimaksudkan adalah aktiviti kokurikulum bebas di bawah pemerhatian dan tanggungjawab Unit Sukan HEP di KUiTTHO iaitu Kelab Silat Sunda, Kelab Karate, Kelab Taekwando, Kelab Renang, Kelab Kembara dan Sekretariat Rakan Muda.

1.11.3 Aktif dalam Bidang Kokurikulum

Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1998), aktif bermaksud giat atau cergas dalam gerak kerja yang bercorak pendidikan dan menyediakan pengalaman-pengalaman pembelajaran. Manakala dalam definisi operasional, 'aktif' dalam bidang kokurikulum bermaksud:

- i) Memegang satu atau lebih jawatan sebagai Majlis Tertinggi dalam sesebuah Kelab dalam satu sesi pengajian semester.
- ii) Memegang dua atau lebih jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaksana dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kelab yang diceburi.
- iii) Melibatkan diri sebagai peserta biasa dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kelab sebanyak empat kali atau lebih dalam satu semester.

1.11.4 Pencapaian Akademik

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1998), pencapaian akademik bermaksud hasil atau kejayaan pengajian yang dicapai dengan daya usaha pembelajaran.

Manakala dalam definisi operasional, pengkaji membahagikan pencapaian akademik kepada empat bahagian:

- i) Cemerlang
Pelajar yang memperoleh CGPA 3.70 hingga 4.00
- ii) Baik
Pelajar yang memperoleh CGPA 2.70 hingga 3.69
- iii) Sederhana
Pelajar yang memperoleh CGPA 2.00 hingga 2.69
- iv) Lemah
Pelajar yang memperoleh CGPA 2.00 ke bawah (lulus bersyarat)

1.11.5 Pelajar

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1998), pelajar adalah mahasiswa dan mahasiswi yang memperdalam pengetahuannya di sesebuah institusi pengajian tinggi. Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dalam Abdul Nasir (1997), pelajar adalah seseorang yang menerima apa-apa perihalan pendidikan, pengajaran atau latihan sepenuh masa atau separuh masa daripada institusi pendidikan. Manakala definisi operasional, 'pelajar' yang dimaksudkan adalah pelajar peringkat Diploma dan Sarjana Muda (semester kedua dan ke atas) yang menjadi ahli kepada kelab sukan dan rekreasi di bawah naungan Unit Sukan di KUiTTHO.

SENARAI RUJUKAN

Kamus Dewan. (1998). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Pustaka.

Ab. Alim Abdul Rahim. (1994). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdul Nasir Hassan. (1997). *Aspirasi Pekerjaan Pelajar dan Beberapa Faktor Yang Mempengaruhinya: Satu Kajian Kes di Kedah*. Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Awang Had Salleh. *Kokurikulum Dalam Pendidikan di Malaysia: Satu Tinjauan*. Kertas Kerja Disampaikan dalam Seminar Kebangsaan Mengenai Kokurikulum bertempat di Universiti Utara Malaysia, bertarikh 18-20 Ogos 1985.

Azizah Nordin. (1990). *Mengenalpasti Masalah-masalah Dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Di Tiga Buah Sekolah Menengah Di Daerah Gombak*. Disertasi Tidak Diterbitkan. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azizah Nordin. (1991). *Kepentingan Bidang Kokurikulum Terhadap Para Pelajar*. Jurnal Pendidikan Guru. Bil. 7. Johor Bahru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hoe, W.E. (1996). *Gerak Kerja Kokurikulum: Siri Diploma Pengurusan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1979). *Laporan Ahli Jawatankuasa Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1985). *Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keotsvart Landell (1997). *Management By Menu*. London: Wiley& Sons Inco. 80-82

Leonard De Vries. (7 April 1986). *Why Extra Curricular Activities Are Useful*. The Star. m.s. 5, 19

Meyer G. R. (1988). *Modules From Design To Implementation*. Second Edition. Philippines: The Colombo Plan Staff For Technincian Education.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamed Nor Che' Noh. *Kaedah Penilaian Kokurikulum*. Kertas Kerja Disampaikan dalam Seminar Kebangsaan Mengenai Kokurikulum bertempat di Universiti Utara Malaysia, bertarikh 18-20 Ogos 1985.

Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 For Windows*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Nasir Abdullah. (1985). *Pengurusan Kokurikulum Dan Badan Beruniform*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Nayan Ariffin. *Peranan Dan Fungsi Penasihat Akademik*. Kertas Kerja
Disampaikan dalam Seminar Sistem Penasihat Akademik bertempat di
Universiti Pertanian Malaysia, bertarikh 30 Mac 1987.
- P. Iskandar bin Abdullah. (1990). *Penglibatan Pelajar-Pelajar Dalam Kegiatan
Kokurikulum Sukan Dan Hubungannya Dengan Keputusan Peperiksaan Sijil
Rendah Peperiksaan Di Sekolah Menengah Pulau Pinang*. Tesis Sarjana Muda
Tidak Diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Pusat Kokurikulum (Akademik) KUiTTHO. (2001). *Buku Panduan Dan Peraturan
Kokurikulum KUiTTHO Sesi 2001/2002*. Batu Pahat: Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussein Onn.
- Robiah Kulop Hamzah. (1993). *Remaja dan Kepimpinan Persatuan*. Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Salmah Haji Ayob. (1992). *Keberkesanan Rancangan Kokurikulum Universiti
Sains Malaysia*. Pulau Pinang. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti
Sains Malaysia.
- Shahrolnizam bin Mokhtar, Sharnol bin Mustafa, Wan Muhammad Marzudi bin Wan
Muhammad. (1999). *Kajian Mengenai Pengaruh Penglibatan Dalam
Kokurikulum Ke Atas Pencapaian Pelajar Akademik Pelajar-Pelajar Di Institut
Teknologi Tun Hussein Onn*. Tesis Ilmiah Tidak Diterbitkan. Johor.
KUiTTHO
- Uma Sekaran (1992). *Research Method for Business: A Skill-Building Approach*.
2nd Edition. United States of America: John Wiley & Sons Inc.
- Yusof Ismail. (1985). *Pengaruhnya Kegiatan Kokurikulum Terhadap Prestasi
Akademik Siswa-Siswi*. Dewan Siswa. Julai. m.s. 7.

Zainal Abidin Ismail. *Gerak Kerja kokurikulum di Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Ringkas*. Kertas Kerja Disampaikan dalam Seminar Kebangsaan Mengenai Kokurikulum bertempat di Universiti Utara Malaysia, bertarikh 18-20 Ogos 1985.

_____ (1999). *Prospektus ITTHO 1998-2000*. Batu Pahat: Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

Mohamad Noor Haji Salleh. (1998). *Kecemerlangan Melalui Kokurikulum*.
<http://members.tripod.com/msmklc/kok.html>.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH